

**Pas belakangi prinsip perjuangan semata-mata 'restu' pembangkang
Utusan Online
Januari 10, 2012**

KUALA LUMPUR 9 Jan. - Tindakan Pas memecat keahlian Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Adat-adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Selangor, Datuk Dr. Hasan Ali dianggap sebagai membelakangi prinsip perjuangan parti semata-mata untuk mendapatkan 'restu' daripada pakatan pembangkang lain terutama DAP.

Pensyarah Politik dan Kerajaan, Jabatan Pengajian, Kenegaraan dan Ketamadunan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Jayun Jawan berkata, pemecatan itu dilakukan demi kelangsungan parti itu terutama di negeri yang mempunyai ramai pengundi bukan Melayu.

"Jika dilihat sejarah perjuangan Pas, orang seperti Hasan Ali adalah orang Pas yang sebenarnya.

"Namun dalam pakatan pembangkang, mereka terpaksa akur dengan kehendak rakan. Jadi tindakan terbaik ialah jangan menakutkan pengundi bukan Islam," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas keputusan mesyuarat khas Pas yang memecat Hasan kerana didapati telah bertindak menyalahi dan merugikan kepentingan parti sebagaimana diperuntukkan dalam perlembagaan parti itu.

Kelmarin, Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Azmin Ali meminta Pas memecat Hasan ekoran kenyataannya yang menasihatkan ahli Pas supaya tidak menyertai perhimpunan Kempen Bebaskan Anwar 901 hari ini.

Menurut Jayun, tindakan seperti itu mungkin tidak akan diambil sekiranya isu tersebut terjadi di negeri yang mempunyai ramai pengundi Melayu seperti di Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah.

"Di negeri yang pekat Melayu (mempunyai majoriti pengundi Melayu), Pas tidak kisah untuk menegakkan perjuangan Islam mereka, tapi terpaksa mengambil tindakan yang lebih praktikal di negeri yang ramai pengundi bukan Melayu seperti di Selangor," ujarnya.

Mufti Perlis Dr. Juanda Jaya berkata, berbeza dengan UMNO dan DAP, Pas dilihat bersikap autokratik dalam tindak-tanduknya sehingga tergamak memecat ahlinya sendiri.

"Itulah kematangan mereka (UMNO dan DAP). Sangkaan sesetengah pihak bahawa Pas tidak boleh dikritik secara terbuka sudah terbukti dengan pemecatan ini.

"Pemecatan drastik boleh diterima atas asas disiplin dan kepentingan parti, tetapi apalah ertinya demokrasi dan semangat berjemaah yang dilaungkan oleh Pas jika pandangan yang bertentangan dianggap sebagai kesalahan besar, tidak boleh dimaafkan hingga dipecat," ujarnya.

Tambah beliau, Pas perlu bersikap lebih terbuka untuk menerima perbezaan pandangan di dalam parti jika mahu menjadi parti besar yang diterima oleh majoriti rakyat.

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0110&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_14.htm